

**SENARAI SEMAK  
PENENTUAN GAJI PERMULAAN  
PENGALAMAN KONTRAK/ SEMENTARA/ BADAN BERKANUN/ PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN BERDASARKAN PERATURAN 25(2), PERATURAN-PERATURAN  
PEGAWAI AWAM (PELANTIKAN, KENAIKAN PANGKAT DAN PENAMATAN  
PERKHIDMATAN) 2012**

**DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH JABATAN**

1. Surat iringan daripada Kementerian/ Jabatan.
2. Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) yang lengkap dan kemas kini selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.
3. Senarai tugas jawatan sekarang dengan menggunakan **surat rasmi Jabatan**.
4. Surat pengiktirafan Ketua Jabatan yang mengesahkan pengalaman terdahulu adalah bersesuaian dengan jawatan terkini (contoh format surat seperti di **Lampiran A1**).
5. Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi **tahun terkini** lantikan tetap (mencapai markah prestasi sekurang-kurangnya 85%).

**DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMOHON**

6. Senarai tugas jawatan kontrak/ Badan Berkanun yang dikemas kini dengan menggunakan **surat rasmi Jabatan terdahulu**.
7. Surat pengesahan jawatan dan butir-butir perkhidmatan daripada Ketua Jabatan terdahulu (contoh format surat seperti **Lampiran A3**).
8. Salinan BPK semasa di jawatan kontrak/ sementara/ tetap di Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lengkap dan dikemas kini. [**bagi lantikan *Contract for Service (CFS)*, jika ada disediakan oleh Ketua Jabatan**].
9. Salinan LNPT bagi **satu tahun yang terakhir** di jawatan *Contract of Service (COS)*/ Sementara/ Badan Berkanun **atau** Laporan Prestasi secara bertulis oleh Ketua Jabatan terdahulu bagi lantikan *CFS*.
10. Salinan Lesen Memandu (bagi jawatan pemandu).
11. Salinan sijil/ diploma/ ijazah dan Sijil Perakuan Berdaftar Penuh dengan Lembaga yang berkaitan (yang berkenaan sahaja).
12. Surat permohonan daripada pegawai.
13. Salinan surat tawaran pelantikan *CFS* bagi setiap kali penyambungan perkhidmatan (sekiranya BPK tidak disediakan oleh Ketua Jabatan).
14. Salinan Surat Tawaran Pelantikan SPA.

**SYARAT-SYARAT PERTIMBANGAN**

- a. Telah berkhidmat tidak kurang daripada satu (1) tahun dalam jawatan yang disandang.
- b. Permohonan hanya akan dipertimbangkan dalam tempoh maksimum percubaan asal mengikut skim perkhidmatan yang berkuat kuasa.